


**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009754

**PERANAN SENARAI KUANTITI
KEPADA KONTRAKTOR PEMBINAAN**

CHONG YIN FONG

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2009

ABSTRAK

Senarai kuantiti merupakan suatu dokumen yang mengandungi satu set penerangan dimana kualiti dan kuantiti semua item yang dikehendaki dalam projek pembinaan dapat ditunjukkan. Tujuan utama senarai kuantiti adalah untuk membolehkan semua kontraktor menender atau menawar sesuatu kontrak dengan menghargakannya berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang sama. Manakala, penggunaan senarai kuantiti dalam industri pembinaan di *United Kingdom* telah dikurangkan sebanyak 9% antara tahun 1984 dan 1989. Penghasilan senarai kuantiti dalam beban kerja juruukur bahan di Australia juga diturunkan sebanyak 16% antara tahun 1993 dan 1999. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kegunaan senarai kuantiti kepada kontraktor di peringkat pra dan pasca-kontrak, serta untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor dalam penggunaan senarai kuantiti. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah kontraktor gred tiga (G3) yang berdaftar di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di Pulau Pinang. 30 set borang soal selidik telah digunakan untuk tujuan analisis. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik mudah, nilai min dan skala likert. Daripada hasil kajian, didapati bahawa kegunaan utama senarai kuantiti bagi pihak responden di peringkat pra kontrak ialah untuk menghasilkan anggaran projek pembinaan dengan lebih tepat supaya boleh dijadikan asas untuk membuat keputusan untuk menender. Manakala, kegunaan utama senarai kuantiti bagi pihak responden di peringkat pasca kontrak ialah untuk memudahkan pesanan dan pembelian bahan binaan. Selain dari itu, masalah utama yang dihadapi oleh responden dalam penggunaan senarai kuantiti ialah kadar unit yang rendah yang tidak realistik dalam senarai kuantiti akan membawa kerugian kepada kontraktor apabila penilaian kerja perubahan dijalankan.

ABSTRACT

Bills of quantities is a document that consists of a set of descriptions where the quality and quantity of all necessary items in the project are shown. The main purpose of the bill of quantities is to enable all contractors tendering for a contract to price on exactly the same information. However, the use of bills of quantities in the United Kingdom construction industry has declined about 16% between 1984 and 1989. The production of bills of quantities in the scope of quantity surveyors' work load in Australia has also decreased about 16% between 1993 and 1999. This study is conducted to determine the usage of bills of quantities for contractors in pre and post contract stages and to determine the problems faced by contractors when using the bills of quantities. The respondents involved in this study are grade 3 (G3) contractors registered under the Construction Industry Development Board (CIDB) in Pulau Pinang. A total of 30 sets of questionnaires were analyzed. All the data obtained from respondents were analyzed by the simply statistical method, mean and likert scale. The results of the study shows that the main purpose of bill of quantities in the pre contract stage is to produce a more accurate estimate for a construction project so that it can be the basic for making decision on tendering. The main purpose of bills of quantities for the contractors in the post contract stage is to facilitate the order and purchase of building material. On the other hand, the main problem faced by contractors when using the bills of quantities is the unrealistic and low unit rate in the bills of quantities that incur the losses to contractors when variation evaluation is carried out.